

BERITA BANDAR RAYA

Majlis

Bandaraya Ipoh

IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN



BOUGAINVILLEA CITY NEWS

Bil.3 Jul - Sept 2011

# IPOH Bandaraya Raya

SERIBU TAMAN



IPOH CITY OF A THOUSAND PARK

# MBI Mengorak Langkah Realisasi Ipoih Bandar Raya SeribuTaman



Pada pagi Ahad Oktober lalu, MBI mencipta satu lagi sejarah dalam usaha merealisasikan impian menjadikan Ipoih Bandar Raya Seribu Taman dengan pelancaran projek untuk mewujudkan taman mini rekreasi keluarga daripada kawasan terbiar.

Projek yang dilaksanakan di atas tanah berkeluasan 2.85 ekar di Station 18. Pengkalan adalah inisiatif syarikat pemaju terkenal Team Keris Berhad yang terpenggal tampil membantu merealisasikan impian Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim untuk mewujudkan Bandar Raya Seribu Taman bagi mengukuhkan lagi tema Bandar Raya Bougainvillea selain memastikan bandar raya ini membangun dengan keindahan nilai estetik.

Y.Bhg. Dato' Roshidi dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Eksekutif Team Keris Berhad, Dato' Lee Seng Hee atas sumbangannya, berkata, idea pembinaan taman mini di Station 18 sebenarnya bermula sejak lima bulan lalu apabila Dato' Lee mencadangkan untuk mewujudkan sebuah taman bagi kegunaan orang ramai di kawasan tersebut.

"Sebagai Datuk Bandar Ipoih, saya selalu menekankan konsep Bandar raya Taman yang menggabungkan kebersihan, kehijauan dan juga pembangunan sebagai tiga Kriteria utama," kata Datuk Bandar.

Belau turut merakamkan penghargaan atas inisiatif Team Keris yang begitu prihatin terhadap visi MBI di dalam program menghijaukan bandar.

"Bertitik tolak daripada situ, kami telah mengadakan perbincangan untuk mewujudkan seribu taman di Ipoih dan hari ini, kita telah menyaksikan taman pertama di mana syarikat swasta telah bekerjasama dengan pihak MBI untuk menjayakannya," kata Y.Bhg. Dato' Roshidi.

Belau turut menyamakan visi seribu taman yang dicetuskan MBI dengan Polisi Landskap Kebangsaan yang telah diancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Tasik Cempaka di Bandar Baru Bangi.

"Program Bandar Raya Seribu Taman ini selaras dengan rancangan Kerajaan Pusat dalam usaha menghijaukan negara. Saya percaya tidak sukar untuk mencapai impian mewujudkan 1,000 taman jika kesemua pemaju-pemaju utama yang ada di Ipoih memainkan peranan dalam membantu mentransformasi tanah terbiar menjadi taman-taman yang cantik," tambah beliau.

Taman mini yang akan siap sepenuhnya mempunyai 1,000 pokok ditanam, mempunyai kawasan untuk berjoging dan berjalan kaki, kemudahan untuk permainan futsal dan juga kawasan untuk permainan lumba kereta kawalan jauh, kolam itik dan juga kolam ikan.

"Taman ini juga akan berperanan mencambak minda warga kota kerana setiap pokok yang ditanam akan ditanda dengan nama saintifik serta nilai pokok itu bagi menggalak masyarakat menghargainya," katanya.

Katanya belau percaya sasaran MBI

untuk mewujudkan 1,000 taman itu akan berjaya kerana terdapat 1,400 taman atau kawasan hijau di dalam kawasan MBI ketika ini.

Namun, daripada jumlah itu hanya 500 yang boleh dijadikan taman kerana keluasannya yang agak besar manakala selebihnya mempunyai saiz yang kecil.

Dato' Lee dalam menjelaskan perannya untuk menghijaukan Ipoih, memuji peranan Datuk Bandar yang mahu mewujudkan Bandar Raya Seribu Taman.

Katanya kesediaan Keris Berhad untuk mengambil bahagian secara aktif seharusnya memberi suntikan semangat kepada syarikat pemaju lain untuk mengindahkan tanah-tanah terbiar menjadi sebuah kawasan rekreasi tumpuan orang ramai.

Taman mini di Station 18 mempunyai 3 jalan samar iaitu "The North Entrances" and "The South Entrance".

Dengan peruntukan RM400,000, kerja-kerja menyiapkan taman tersebut dijangka selesai hujung tahun ini.

Bagi memastikan taman itu selamat dikunjungi pada waktu malam, lampu limpak akan dipasang.

Selain memberi kemudahan kepada penduduk setempat, pengwujudan taman tersebut bakal memberi keseimbangan kepada pembangunan dan pelaburan berjumlah lebih RM400 juta oleh Jusco AEON di kawasan berdekatan.



# On The Right Track Towards Ipoh City Of A Thousand Park



On that memorable October Sunday, another vision and dream for Ipoh became a reality with the launch of project to create a mini family recreational park out of idle and abandoned land.

The 2.85 acre project at Station 18 in South Ipoh is being financed and undertaken by property developer Team Keris Berhad, which is answering to Ipoh City Mayor Datuk Roshidi Hashim's dream and vision to create 'Ipoh - City With 1,000 Parks'. It would complement the Bouganvillea City theme, and would see the city grow in an aesthetic manner.

Roshidi, in his speech at the event, thanked Team Keris Berhad's Group Executive Chairman Datuk Lee Seng Hee for his gracious contribution, said the idea for the mini garden at Station 18 came about some five months back when Lee approached him and brought about the suggestion for a people's park in the area.

"As the Mayor, I had always emphasised on a Garden City concept for Ipoh, which combines cleanliness, greenery and development as the three main criteria," said Roshidi who described Lee's gesture

as very caring towards the vision of Ipoh City Council (MBI) in its greening program.

"We went on to discuss about creating 1,000 parks and gardens in Ipoh and today, we are seeing the first park where a private entity is working with MBI to make it a success," said Roshidi.

He linked the 1,000 park vision and the Station 18 mini garden project to the National Landscape Policy which was launched by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, at Tasik Cempaka in Bandar Baru Bangi, and said the program is aligned with that of the Federal Government's nationwide greening plan.

"I believe it is not difficult to achieve this dream for 1,000 parks if all major developers play their part in helping to turn wasteland into beautiful parks and gardens," he added.

The mini garden when completed, would have 1,000 trees, jogging and walking tracks, futsal and remote control car racing facilities, duck and fish ponds.

"The park will be useful in creating a healthy-minded society living in a clean and healthy city," said Roshidi.

He said the trees would also be named and

described in an effort to educate the people on the types of trees and their value.

He added that there are 1,400 parks or green areas currently gazetted under MBI but only 500 are adequate or big enough for recreational purposes.

Lee on his part about the greening of Ipoh, lauded the Mayor's role in bringing alive his vision of 'Ipoh - City of A Thousand Park', which Team Keris actively responds and supports by being the first to finance the creation of a park by converting the idle piece of land into a people's recreational park.

The mini garden at Station 18 would serve both people living in that area and visitors as well. It would have three entrances - 'The Garden Entrances', 'The North Entrances' and 'The South Entrance'.

After works on the RM400,000 park is complete MBI would fix flood lights to make it a safe place at night.

The Mayor said people living in that area should make full use of the park and it would complement the RM400 million investment on Jusco that AEON group from Japan is undertaking in that area.

# Kecekapan Pelaksanaan OSC MBI



Bangunan-bangunan tinggi yang mewarnai Bandar Raya Ipoh masa kini

Pusat Setempat atau lebih dikenali dengan OSC iaitu unit yang dipertanggungjawabkan untuk memproses permohonan kelulusan pembangunan tanah telah berjaya menyelesaikan 1,699 permohonan pelanggan daripada 1 Januari sehingga 27 Oktober 2011.

Penyelesaian itu merupakan 81.01% daripada 2,068 permohonan cadangan pemajuan tanah yang diterima MBI sepanjang tempoh tersebut.

Daripada permohonan tersebut, 61 merupakan pembangunan skim perumahan baru, 64 skim pembangunan komersil, 11 skim pembangunan projek kerajaan/institusi, 38 menara telekomunikasi, 19 hotel, 26 kilang, 345 bagi pembinaan rumah banglow, 11 permit sementara dan 304 pelan pindaan.

Antara permohonan tersebut pembangunan berskala besar yang dikemukakan adalah pembinaan sebuah dengan 119 blok di tapak kosong bersebelahan pusat beli betah

Ipoh Parade di Jalan Sultan Abdul Jalil yang mempunyai tiga tingkat letak kereta, tiga tingkat pangsupari perkhidmatan dan empat tingkat bilik hotel dan satu tingkat basemen.

Bagi komersil pula ia membabitkan cadangan pembangunan komersil di atas Zon 5, Bandar Meru Raya Mukim Hulu Kinta manakala projek kerajaan pula membabitkan cadangan membina satu unit dewan terbuka untuk sekolah jenis kebangsaan (Tamil Tanjung Rambutan).

Bagi tahun 2010 pula, sebanyak 2,457 permohonan cadangan pemajuan telah diterima dan kesemua permohonan telah berjaya diselesaikan.

Sebanyak 2,443 (99.43%) permohonan dalam tempoh piagam pelanggan telah diselesaikan manakala 14 (0.57%) permohonan telah diselesaikan melebihi tempoh piagam.

Daripada 1,122 permohonan pelan pembangunan yang dikemukakan, 62 benpa

skim perumahan, 68 skim pembangunan komersil, 12 skim pembangunan projek kerajaan dan institusi, 28 menara telekomunikasi, 19 hotel, 30 kilang, 431 rumah sesebuah, 21 permit sementara dan 451 pelan pindaan.

Bagi tahun 2009, sebanyak 2,379 permohonan cadangan pemajuan telah diterima dan telah diselesaikan.

Sebanyak 1,621 (68.14%) permohonan telah diselesaikan dalam tempoh piagam manakala 758 (31.86%) permohonan telah diselesaikan melebihi tempoh piagam.

Daripada jumlah permohonan cadangan pemajuan itu, sebanyak 1,212 permohonan pelan bangunan telah diterima di mana ia membabitkan 119 skim perumahan, 125 skim pembangunan komersil, 20 skim pembangunan projek kerajaan/institusi, 64 menara telekomunikasi, 6 hotel, 5 kilang, 430 rumah sesebuah, 23 permit sementara dan 420 pelan pindaan.



# Projek Penurapan Jalan MBI BAGI 2011

Kemudahan asas terutama infrastruktur penting di dalam pembangunan sesebuah bandar raya dan MBI tidak terkecuali daripada melaksanakan tanggungjawab ini.

Sedar akan pentingnya memastikan warga kota dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang baik termasuklah kualiti jalan raya yang ada di kawasan bandar raya sehinggalah di taman-taman perumahan, banyak projek penurapan jalan telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.

Antara projek penurapan jalan yang telah berjaya disempurnakan adalah di Taman Perpaduan dan juga di Jalan Rishah.

Kerja menurap jalan di Taman Perpaduan Fasa 1 bernilai RM322,926 telah selesai dilaksanakan pada 9 Oktober manakala bagi menurap Jalan Rishah yang melibatkan kos RM517,430 di bawah dua

fasa telah selesai pada Ogos.

Kedua-dua projek ini sudah tentunya memberi keselesaan kepada penduduk di dua kawasan perumahan itu disamping mewujudkan satu keadaan selamat bagi pengguna jalan raya kerana tiada lagi jalan berlubang atau berlokap.

Selain projek menurap jalan, MBI juga turut melaksanakan projek-projek khas iaitu kerja membaikpulih jalan dan longkang di Jalan Lahat, Menglembu, Taman Tinggi dan Sungai Rokam.

Peruntukan untuk membaikpulih jalan dan longkang di kawasan tersebut dilaksanakan dengan dana daripada Marris merupakan sambungan daripada projek tahun 2010.

Bagi Jalan Lahat, kerja menaiktaraf Kelubung dan menurap semula melibatkan kos berjumlah RM4,890,455 telah

dimulakan pada Oktober tahun lepas dan dijangka siap tahun hadapan.

Bagi Sungai Rokam, kerja menaiktaraf jalan dan longkang yang kini sedang giat dilaksanakan di Jalan Rokam, Kampung Sungai Rokam telah siap hampir 95 peratus.

Kerja menaiktaraf dengan kos RM2,579,098 bermula pada September tahun lalu akan siap bulan November.

Kerja menurap semula sebahagian jalan di pekan Menglembu dan Pusat Komersial Bandar Baru Menglembu juga dijangka siap November ini.

Projek menaiktaraf longkang morsoon dan kelubung Sungai Buntong di Jalan Raja Perempuan Mazwin yang dilaksanakan dengan kos RM1,087,819 telah pun siap Julai lalu.



Jalan-jalan diturap semula di Kampung Sungai Rokam untuk keselesaan pengguna jalan raya



Jalan-jalan diturap semula di Jalan Rishah

# Pendekatan Mesra Peniaga MBI

KOMPAUN KESALAHAN LETAK KERUSI MEJA DI KAKI LIMA DIKURANGKAN

Sikap MBI yang mesra peniaga jelas terbukti apabila ia memberi pertimbangan terhadap permintaan golongan itu yang mahu supaya kompaun yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga kedai makanan dan restoran berkonsepkan 'outdoor cafe' yang meletakkan kerusi meja di kaki lima tanpa kebenaran dikurangkan.

Keputusan mengurangkan kadar kompaun itu dibuat setelah ianya diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh MBI pada 5 Ogos.

Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim berkata, langkah mengurangkan kompaun itu dibuat setelah merimbang rasyon daripada Ahli-Ahli Majlis di zon masing-masing.

Katanya kompaun telah dikurangkan kepada RM450 daripada kadar maksima RM1,000.

Namun pengurangan kompaun itu hanya diberikan kepada peniaga yang telah mematuhi peraturan dan undang-undang kecil berkaitan 'outdoor cafe', katanya.

Antara syarat yang dikenakan adalah peniaga dikehendaki memohon serta mendapat kelulusan Majlis untuk menggunakan kaki lima, jalan hadapan premis, longkang sisi dan ruang lapang sekitar premis untuk meletakkan meja dan kerusi.

Mereka juga dikehendaki membayar cagar RM1,000 dan wang itu akan dirampas jika syarat-syarat kelulusan tidak dipatuhi.

Peniaga juga perlu mengambil liabiliti insuran awam bagi memastikan pelanggan mereka dilindungi sekiranya berlaku perkara tidak diingini dengan nilai perlindungan iaitu 10 meja dan kurang berjumlah RM100,000, 11 meja hingga 20 meja RM250,000 dan lebih 21 meja RM500,000.

Peniaga juga perlu memastikan aspek-aspek keselamatan diberi perhatian termasuk meletakkan kon keselamatan dan alat pantulan cahaya di sekeliling ruang pemiagaan mereka.

"Waktu pemiagaan yang dibenarkan pula adalah antara 7 pagi sehingga 3 pagi manakala bayaran lain yang perlu dibayar adalah RM15 bagi satu meja lengkap," katanya.

Dato' Roshidi berkata, MBI berhak membatalkan permit jika syarat-syarat dan peraturan tidak dipatuhi atau wujudnya kacauan awam.

Menurut Dato' Roshidi, peniaga terbahagi juga diingatkan bahawa sebarang binaan kanopi, ujuran, tambahan atau pindaan terhadap premis perlu mendapat kelulusan Majlis.

Katanya mereka juga diminta menyediakan kon keselamatan dengan 'retroreflective portion' dan pita keselamatan (Awak) dalam bilangan yang cukup untuk memberi amaran kepada lalu lintas pada jarak yang selamat.

"Setiap permohonan peniaga mestilah disertakan dengan salinan liabiliti insuran awam sepertimana yang telah ditetapkan Majlis," katanya.



# MBI Sentiasa Amalkan PENDEKATAN TERBUKA

## PESALAH TEGAR LALU LINTAS DIMINTA TAMPIL BERBINCANG

**MBI** tidak akan melaksanakan penguatkuasaan mengapit (clamping) tayar kenderaan milik warga kota yang mempunyai tunggakan melebihi 100 saman berkaitan lalu lintas.

Sebaliknya, satu tindakan mengenakan kunci kampaun pada cermin bahagian sisi ('side mirror') akan dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa MBI ke atas pemilik kenderaan tersebut.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa MBI, Ahmad Zaiyadi Sudin berkata MBI tidak berhasrat untuk menakutkan pemilik kenderaan sebaliknya mahu mereka datang berhubung terus dengan pihak Majlis bagi menyelesaikan tunggakan saman.

"Dakwaan pihak-pihak ini sebenarnya tidak benar kerana kita tiada niat untuk menakutkan pemilik kenderaan sebaliknya mahu mereka datang sendiri menemui pegawai Bahagian Penguatkuasa atau berjumpa saya sendiri untuk berbincang bagi mencari jalan bagaimana menyelesaikan saman-saman yang tertunggak," katanya.

Beliau menjelaskan kunci kampaun ini hanya dikenakan ke atas pesalah tegar iaitu pemilik kenderaan yang sering

melakukan kesalahan lalu lintas seperti meletakkan kenderaan bertindih (double parking) menghalang lalu lintas dan yang mempunyai rekod gagal membayar tunggakan kampaun.

Menurut Zaiyadi, setakat ini pihaknya ada mempunyai rekod 423 pesalah tegar yang tidak pernah datang menjelaskan bayaran kampaun membabitkan antara 100 kes dan 200 kes tunggakan kampaun yang tidak dijelaskan.

"Kita juga sudah menyenaraikan dan memburu 600 pesalah tegar yang mempunyai lebih 50 kes tunggakan kampaun yang masih belum dijelaskan," katanya.

Zaiyadi juga menjelaskan sebenarnya Bahagian Penguatkuasa sentiasa bertimbang rasa dan menggunakan pendekatan terbuka berhubung isu tindakan mengenakan kunci kampaun ini dan bukan seperti yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu.

"Kita mengambil tindakan mengenakan kunci kampaun ini kerana semata-mata mahukan pesalah tegar ini datang berjumpa menerangkan apa sebenarnya masalah mereka, dan mahukan penjelasan mengapa mereka sering melakukan kesalahan lalu lintas dan tidak mahu menjelaskan

kampaun.

"Kami di pihak MBI juga akan membantu memberi cadangan kepada pesalah tegar ini dapat menyelesaikan tunggakan kampaun. Perlu dijelaskan disini bahawa kunci kampaun akan hanya dibuka semula apabila pesalah tegar ini datang sendiri ke Pejabat Bahagian Penguatkuasa Majlis," katanya.

Sehubungan dengan itu Zaiyadi menasihatkan orang ramai khususnya pemilik kenderaan di bandar raya ini agar sentiasa menjelaskan kampaun yang dikenakan bagi mengelak kampaun mereka tertunggak dan boleh dikenakan tindakan lain.



Pegawai kenderaan penguatkuasa MBI mengenakan kunci kampaun pada cermin sisi



Contoh kunci kampaun



# Pemasangan Pagar

## UNTUK PENCEGAHAN JENAYAH

Langkah MBI memasang pagar di sepanjang jalan-jalan tertentu sekitar Bandar Raya Ipoh adalah merupakan sebahagian usaha pencegahan jenayah selain menghalang pengguna jalan raya meletakkan kenderaan sewenang-wenangnya di bahu-bahu jalan.

Projek memasang pagar melibatkan kos RM1.5 juta tersebut dibiayai Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah program konsep 'Bandar Selamat' yang dilaksanakan dengan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Kewujudan pagar ini memberi lebih jaminan keselamatan kepada warga kota mahupun pengunjung yang datang ke bandar raya ini.

Menurut Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim, pembinaan pagar di sepanjang jalan akan mewujudkan keadaan selamat bagi pejalan kaki daripada menjadi mangsa kes ragut.

"Pagar akan bertindak sebagai penghadang supaya sukar bagi bakal peragut yang biasanya datang dari arah belakang mendekati pejalan kaki. Dengan ini orang ramai akan merasa lebih selamat ketika berjalan.

"Ini merupakan tujuan utama pagar dibina. Ramai yang tidak sedar dan faham tujuan pelaksanaannya sehingga ada yang mengatakan lanya suatu pembaziran wang," katanya.

Jelas Datuk Bandar lagi projek tersebut bukan satu projek keindahan semata-mata sebaliknya ia merupakan satu usaha pihak berkuasa mewujudkan suasana selamat kepada warga kota selain kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di lokasi-lokasi strategik sekitar bandar raya.

"Pagar tersebut juga dilihat dapat membendung sikap pengguna jalan raya yang gemar meletak kereta di bahu-bahu jalan untuk kemudahan mereka sehingga mengganggu perjalanan lalu lintas kenderaan lain," katanya.

Y.Bhg. Dato' Roshidi berkata sikap tidak bertanggungjawab itu sering berlaku di bahu jalan sepanjang Dato' Seri Ahmad Said berhampiran bangunan Kerajaan Persekutuan di Creentown.

Manfaat lain daripada pemasangan pagar itu adalah untuk menghalang orang ramai daripada mengambil jalan mudah dengan melintas jalan-jalan sibuk seperti di Jalan Raja Musa Mahadi dan Jalan Hospital berbanding menggunakan jejantas.

Projek pagar yang bermula pada bulan Ogos siap sepenuhnya pada akhir bulan Oktober.

Antara jalan yang ada dipasang pagar adalah sepanjang Jalan Hospital, Jalan Raja Musa Mahadi dan laluan jejak warisan.



8



Cantik Dan Selamat



# Daripada

# Lensa

# Datuk Bandar



# IPOH OWES ITS EXCEPTIONAL GROWTH TO EXCELLENT LEADERSHIP

Ipoh has seen exceptional growth and progress over the last decade and its fast changing skyline can clearly be seen from an elevated point such as the 10th floor of the Ipoh City Council (MBI) building in Greentown.

"The changing skyline of Ipoh as seen from the 10th floor of the Ipoh City Council (MBI) building in Greentown is proof of its rapid progress and booming growth which has been especially exceptional over the last few years," says Datuk Lee Seng Hee who is the Chief Executive Officer of Team Keris Berhad.

He recently spoke about Ipoh's progress and the efforts of Ipoh Mayor Datuk Roshidi Hashim, whom he says is crucial in bringing positive changes and more investments for this city.

"Ipoh is changing fast over the last three to four years as can be seen from its skyline and this used to be a boring city when even colours were not allowed some 25 years back," says Lee whose company has actively been involved in major development projects for Ipoh over the last 25 years.

He lauded the rejuvenating of abandoned project which he says augers very well for the development of Ipoh while reflecting the reaching out policy of MBI towards investors with the aim to attract them to come over and build their businesses in this wonderful city.

"I would like to mention a particular incident whereby our Mayor travelled all the way to KL to talk to the Japanese management team of AEON.

"He had wanted to assure them that the role of MBI should

never be wrongly perceived as obstructive and retardant. He then assured the Japanese management team of AEON that MBI's role would always be progressive and the Council has deep seated desire to assist and facilitate investments," said Lee.

The AEON team at the meeting on the new Jusco shopping mall in station 18 was also given assurance by the Mayor that as long as the bi-laws for the project are complied with, their plans will be approved expeditiously.

"The management team of AEON was so humbled that the Mayor of Ipoh had come all the way to assure that MBI would be proactive and their role would be to facilitate investment," Lee added.

He said that he had personally congratulated Roshidi leading his team to having the courage and wisdom in revisiting what were formally considered as cast iron master plans.

"In the past it was impossible to make changes to master plans but currently this administration has the courage and wisdom to revisit formally approved master plans and to question its relevancy under the fast changing environment.

"It takes courage and wisdom to allow changes to what was formally approved for Ipoh," he said.

"Right now when I look down from the 10th floor of MBI, I can see that Ipoh is getting cosmopolitan. When I first started my journey as developer, the authorities in Ipoh then never even allowed cosmopolitan names for big projects, but now we have

Sunway, The Haven, and Station 18 among others," Lee said while adding that we now have many such wonderful cosmopolitan names for our cosmopolitan city.

He said the wisdom and courage to even allow and encourage gated and guarded community is something that should be applauded as MBI recognises the need for security in this increasingly challenging society.

"We can now see well planned housing facilities with guard houses in many parts of the city," he said.



The beauty and changing skyline of Ipoh from MBI's 10th as described by Datuk Lee Seng Hee

# Sahul Hamid Guna Konsep MALAYSIA SELESAI MASALAH RAKYAT



Sahul Hamid Mydin Shah

Konsep 1Malaysia -Rakyat DiDahulukan, Pencapaian DiUtamakan yang dilancarkan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak bukan sahaja menjadi panduan di kalangan ketua-ketua jabatan serta agensi-agensinya kerajaan dalam menangani masalah rakyat, malah turut dipraktikkan Ahli Majlis Bandar Raya Ipoh, Sahul Hamid Mydin Shah.

Ini kerana bagi beliau, konsep 1Malaysia adalah selari dengan pendekatan 'turun padang' untuk mendekati, mendengar dan menyelesaikan permasalahan dihadapi masyarakat dalam usaha untuk memastikan hanya perkhidmatan terbaik diberikan kepada mereka.

Mewakili Zon 2 yang membabitkan kawasan Meru, Chepor dan Kampung Kuang, Sahul Hamid sentiasa mengutamakan permasalahan rakyat yang diwakilinya dengan bertindak segera sebaik sahaja menerima sebarang aduan

berhubung pelbagai masalah yang dibawa kepadanya.

Justeru, setiap masalah berbangkit, akan segera dilanjutkan kepada Datuk Bandar Ipoh, Dato' Roshidi Hashim untuk tindakan lanjut.

"Masalah yang sering saya terima daripada penduduk di kawasan Meru, Chepor dan Kampung Kuang adalah longkang tersumbat, rumput terbiar hingga menjadi kawasan alang dan pembuangan sampah haram.

"Isu-isu ini sentiasa saya utamakan kerana ia melitinkan imej Bandar Raya Ipoh. Sekiranya masalah sebegini tidak ditangani segera, ia boleh memberi imej yang tidak baik di mata pelawat dan pelancong asing yang berkunjung ke sini," katanya.

Menurut Sahul Hamid, sebagai Ahli Majlis yang mewakili Zon 2, beliau akan memastikan setiap masalah seperti pembuangan sampah haram di kawasan dibangkitkan oleh penduduk tidak berulang lagi berikutan tindakan penyelesaian yang diambil oleh pihak berwajib.

"Begitu juga masalah rumput terbiar dan longkang tersumbat di mana saya akan datang melihat dan bertanya sendiri penduduk sama ada masalah itu sudah selesai dan tidak berbangkit lagi," katanya.

Sahul Hamid berkata, sejak dilantik menjadi Ahli Majlis pada pertengahan 2009, beliau turut memberi perhatian terhadap kemudahan asas yang diperlukan penduduk seperti pengangkutan bas dan lampu jalan.

Di Chepor sebagai contohnya, saya dapat menyelesaikan masalah kekurangan lampu jalan yang melabatkan kawasan perumahan dan di kampung-kampung.

"Begitu juga masalah pengangkutan

bas dari Meru ke Chepor yang sebelum ini penduduk tiada pilihan terpaksa menaiki teksi dengan dikenakan tambang yang mahal.

"Tetapi hari ini mereka sudah boleh menarik nafas lega kerana Perak Transport telahpun menyediakan kemudahan pengangkutan bas buat penduduk di Meru dan Chepor," katanya.

Sahul Hamid turut gembira melihat kawasan Meru yang kian pesat membangun dengan kegiatan ekonominya dan terkini, pihak Mydin juga sedang membina sebuah pasaraya untuk memberi kemudahan kepada penduduk.

"Saya turut gembira kerana Meru kini dipilih menjadi hab pengangkutan utama di bandar raya Ipoh yang mana bas-bas ekspres dan bas persiaran beroperasi membawa penumpang ke destinasi pilihan mereka ke seluruh pelusuk bandar rayaini," katanya.

Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan Kedua, Dato' Seri Huisni Hanadzlah yang banyak membantunya dalam menyediakan kemudahan asas buat penduduk antaranya pembinaan gelanggang futsal dan pembinaan jalan kampung di Chepor.

Ditanya mengenai fokusnya selepas ini, Sahul Hamid berkata, beliau akan memberi tumpuan membantu penduduk kampung membabitkan diri mereka dalam perniagaan seperti perniagaan sayur dan peruncitan.

"Saya banyak menerima pertanyaan dari penduduk yang mahu mereka diberi ruang untuk menjalankan perniagaan bagi menambah ekonomi keluarga dan sedang berusaha untuk membantu mereka," katanya.



Lampu-lampu jalan kampung disediakan untuk kemudahan penduduk

# Pembatalan Projek Krematorium

## MBI SENSITIF DENGAN PERMINTAAN PENDUDUK

Atas rasa keperluan mengikhtif suara warga kota, MBI akhirnya membatalkan projek pembinaan krematorium di Taman Kemuncak di Ipoh Garden berikutan bantahan penduduk yang tidak mahu projek itu dilaksanakan di kawasan perumahan mereka.

Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim berkata keputusan membatalkan projek itu dibuat oleh Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang dipengerusikan beliau bermesyuarat petang tadi.

Katanya keputusan sebulat suara itu dicapai oleh 23 ahli jawatankuasa OSC yang dianggotai pegawai MBI, Ahli Majlis dan wakil NGO.

Perkara asas kepada keputusan ini adalah berikutan bantahan hebat daripada penduduk setempat terhadap projek ini. Disebabkan bantahan penduduk itu, jawatankuasa mendapati projek ini tidak boleh dilaksanakan kerana ia bertentangan dengan undang-undang kecil kerajaan tempatan.



"Alasan ketiga bagi pembatalan projek ini adalah kerana tapak di mana krematorium bakal dibina merupakan zon kediaman mengikut Draft Rancangan Tempatan. Kawasan itu juga tidak sesuai kerana kedudukannya yang bersempadan dengan bukit batu kapur yang bersiko tinggi," katanya.

Datuk Bandar berkata keputusan itu

seharusnya memberhentikan usaha pihak yang cuba mempolitikkan isu pembinaan krematorium itu.

"Saya berharap agar tidak ada pihak yang mengambil kesempatan daripada isu ini dan beri peluang kepada MBI melaksanakan tanggungjawab tanpa sebarang gangguan," katanya.

## MELAKA DESTINASI LAWATAN SAMBIL BELAJAR

KAKITANGAN ANUGERAH  
KHIAMAT CEMERLANG

Seramai 189 kakitangan MBI yang mendapat Anugerah Khidmat Cemerlang telah memilih Melaka Bandar Bersejarah sebagai destinasi lawatan sambil belajar mereka.

Lawatan selama dua hari satu malam telah diadakan pada tiga tarikh berlainan itu dibuat sebagai menghargai prestasi cemerlang yang ditunjukkan mereka selain menerima wang tunai dan sijil penghargaan.

Kumpulan pertama telah berlepas ke Melaka pada 24 hingga 25 September, diikuti kumpulan kedua pada 8 hingga 9

Oktober manakala kumpulan ketiga telah pergi pada 17 hingga 18 Oktober.

Selain dibawa menikmati keindahan Bandaraya Melaka, antara pengisian program lawatan adalah melawat dan mempelajari lanskap di bandar raya bersejarah itu.

Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim yang turut menyertai rombongan ketiga telah dibawa melawat ke Perbadanan Pembangunan Pantai Sungai Melaka (PPSM) dan juga meninjau Melaka International Trade Centre (MITC).



### ஈப்போ மாநகர் மன்றம் திறந்த போக்கைக் கடைப்பிடிக்கும்

### - குற்றம் புரிந்தவர்கள் நேரடியாக வந்து கலந்து பேசலாம்

எணக்க குற்றங்களுக்காக 100க்கும் அதிகமான சம்மன்களைப் பெற்றுள்ள இம்முள்ள வாகன உரிமையாளர்களின் கார்டுகளில் சக்கரங்கள் பூட்டப்பட்ட மட்டுமட்டு மாநகர, அந்த வாகனங்களின் பக்கவாட்டு கண்ணாடியில் அபராதப் பூட்டுகள் மாட்டும் நடவடிக்கையை மாநகர் மன்ற சட்ட அமைக்கும் பிரிவு மேற்கொள்ளும்.

வாகன உரிமையாளர்கள் நேரிடையாக மாநகர் மன்றத்திற்கு வந்து தங்கள் சம்மன் பாக்கியை செலுத்த வழிவகை காண வேண்டும் என்பதைத் தவிர அவர்களை அச்சுறுத்தும் நோக்கம் மாநகர் மன்றத்திற்கு இல்லவ என்று அமைக்கப் பிரிவின் உதவி இயக்குனர் அமாம் சையாட் குயின் தெரிவித்தார்.

"ஒரு சிலரின் குற்றங்களையும் எவ்வித உண்மையும் இல்லை. ஏனென்றால், வாகன உரிமையாளர்களை பயமுறுத்தும் நோக்கம் எவ்வுக்கும் இல்லை. அவர்கள் நேராக வந்து அறிமையோ அல்லது அமைக்கப் பிரிவு உள்ளிடக்கொண்டே சத்தித்து சம்மன் பாக்கியை எவ்வாறு கட்டத் தீர்க்கலாம் என்பது குறித்து கலந்துரையாக்கலாம்" என்றார் அவர்.

போக்குவரத்துக்கு இடைக்கால வாகனத்தை நிறுத்தி வைப்பது, போக்குவரத்து சம்மன்களை முறையாக செலுத்தாமலிருப்பது போன்ற வழக்கத்திற்குக் கொள்வனவுக்கு வாகன உரிமையாளர்களிடமிருந்து இந்த நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப்படும் என்று அவர் தெரிவிக்கிறார்.

இதுவரை அடக்கடி குற்றம் புரியும் மாநகர் 423 வாகனமோட்டிகள் கைநடர் மன்றத்திற்கு வராமல் இருப்பதோடு கார் 100 முதல் 200 சம்மன்களுக்கு அபராதம் கட்டாமல் இருப்பதை ஆய்வாளர்கள் காட்டுவதாக சையாட் குறிப்பிட்டார்.

மேலும் 50க்கும் மேற்பட்ட சம்மன்களை செலுத்தாமல் இருக்கும் 600 பேரை நங்கள் அடையாளம் கண்டுள்ளோம். அவர்களைத் தேடும் முயற்சியினை நிறுத்திவிடுவோம் என்று அவர் கூறினார்.

ஒரு சில நாட்களின் குற்றம் சாட்டுவது போலிமனமும், அபராதப் பூட்டுகள் போடும் நடவடிக்கையில் மாநகர் மன்றம் ஏற்போடும் பிரிவோடும் திறந்த மனநிலைமும் நடந்து கொள்வதாக அவர் விளக்கவிட்டார்.

"அபராதப் பூட்டு மாட்டும் நடவடிக்கையில் நங்கள் இறங்குவதற்கான காரணம், குற்றம் புரியுங்கள் என்பதை எந்தித்து அவர்களின் உண்மையான பிரச்சினைகளை விளக்குவதோடு அவர்கள் ஏன் அடக்கடி சாணக் குற்றத்தைப் புரியு மட்டுமன்றி சம்மன்களைமும் ஏன் செலுத்தாமல் இருக்கிறார்கள் என்பதைமும் தெரிவிப்பதும் வேண்டும் என்பதுதான்".

"சம்மன் பாக்கியை எவ்வாறு செலுத்தலாம் என்பது குறித்தும் அவர்களுக்கு நங்கள் ஆணைகளை வழங்குவோம். தவிர, பாதிக்கப்பட்டவர்கள் மாநகர் மன்ற அமைக்கப் பிரிவுக்கு நோக்க யந்தனம் மட்டுமே அபராதப் பூட்டுகள் மீண்டும் திறக்கப்படும்" என்று அவர் தெரிவித்தார்.

அதன் தொடர்ச்சியும், பொதுமக்கள் குறிப்பாக வாகனம் ஸ்தலிற்றுக்கும் மாநகர்வாசிகள், தனக்குத் விதிக்கப்படும் அபராதத்தைத் தவறாமல் செலுத்துவதோடு, வேறு நடவடிக்கைகள் ஏடுக்கப் படாமல் இருப்பதை உறுதி செய்து, தங்களுக்கு சம்மன் பாக்கி இல்லாமல் பாதித்துக் கொள்ள வேண்டும் என்றும் அவர் அறிவுமையுடன் கூறினார்.



## 怡保市政厅开明处事 顽固交通违例者应露面觅方案

怡保市政厅将不会采取锁车方式对付拖欠超过100张由市政厅发出的交通罚票的市民。

相似的，市政厅执法组将采用锁锁（门外锁）行动对付这些车主。

市政厅执法组副主任阿末赛耶迪说，市政厅无意要吓唬车主，只希望他们亲身到市政厅进行联系，以便解决所拖欠的罚票。

"有人说市政厅志在吓人的说法并不确实，因为我们真的无意要吓唬车主，我们希望他们亲自会见执法组官员，或者直接见我本人共同讨论如何解决已经拖欠的罚票。"他这样表示。

他解释说，锁车行动只施予顽固的违例者，即经常违反交通条例的车主，例如在双线上泊车、阻碍交通以及拥有不清罚票记录者。

赛耶迪表示，迄今为止，市政厅已经掌握423名顽固违例者的档案，他们不曾到过市政厅缴清大约100至200张还没有清还的罚票。

"我们也将600位拥有超过违犯50宗条例而还没有缴清罚票的顽固违例者，把他们列入黑名单以及追踪的名单内。"

他也澄清，其实，执法组经常在采取锁车行动上诸多体谅并采纳开明态度，并非好像一些人所形容。

"我们既开锁车行动，纯粹要顽固的违例者前来解释他们的问题所在，同时也要知道他们为何经常重复犯交通条例以及不要缴清罚票的原因。"

"市政厅也将给予协助，建议顽固违例者如何解决拖欠的罚票。必须在此声明，唯有顽固违例者亲自前往市政厅执法组办事处，车锁才可以被打开。"

有鉴于此，赛耶迪劝告公众人士，尤其是怡保市内的车主，最好养成即时缴清市政厅发给他们的罚票的习惯，避免罚票堆叠累积下可能面对的其他执法行动。



# KPMBI ANTARA KOPERASI Yang Terbaik Di Malaysia

Sejak mula ditubuhkan pada tahun 1969, Koperasi Pekerja-Pekerja Majlis Bandaraya Ipoh (KPMBI) telah menjadi salah sebuah koperasi paling berjaya di Malaysia dengan perolehan pendapatan yang sentiasa menunjukkan peningkatan.

Koperasi itu berjaya memperolehi faedah pinjaman RM1,039, 244.53 pada ketika koperasi-koperasi lain mengalami kerugian akibat persaingan antara institusi kewangan yang lain.

Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim berkata, konsep sentiasa bersatu padu telah menyumbang menjadikan koperasi ini antara koperasi terbaik di Malaysia.

"Hari ini KPMBI boleh berbangga atas kejayaan yang mereka kecapai," katanya semasa berucap menutup Seminar KPMBI di Dewan Bandaran Ipoh.

Dalam ucapannya beliau turut

menekankan tentang pentingnya mereka bersatu padu selaras dengan konsep Syariah.

Menurutnya, koperasi berkenaan sejak mula ia ditubuhkan sehinggalah pada hari ini sudah mampu berdirikan dan telah banyak memberi manfaat kepada para ahlinya.

"Kewujudan koperasi ini sebenarnya bukan sekadar untuk mencari keuntungan malah menjaga kebajikan para ahlinya," katanya.

Beliau berkata, kerjasama sebagai satu pasukan di antara ahli dengan ahli lembaga pengarah koperasi membolehkan para ahli menikmati faedah keuntungan di kalangan mereka.

Katanya, bagi memastikan koperasi terus kekalkan momentumnya, pihak lembaga pengarah telah membuat keputusan untuk bergerak lebih proaktif termasuk menggunakan konsep syariah dalam urusan perbankan.



14

## Lebih 500 Ahli ANULAE Hadir Mesyuarat Agung Tahunan



Lebih 500 ahli hadir di mesyuarat agung ANULAE MBI yang diadakan di Stadium Indera Mulia Ipoh baru-baru ini.

Mesyuarat diarahkan Setiausaha Majlis, Dato' Rahim Md. Ariff yang mewakili Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim.

Dalam ucapannya Dato' Rahim berharap ANULAE mengambil inisiatif untuk

menambah bilangan ahlinya selain menasihati mereka yang belum menjadi ahli bertindak menyertai persatuan tersebut.

"Penyertaan lebih ramai ahli membolehkan satu hubungan baik terjalin antara majikan dan pekerja dan sekaligus menaikkan imej MBI," katanya.

Pengerusi ANULAE MBI, Ahmad Zahar Abdul Wahab dalam ucapannya mengucapkan jutaan terima

kasih kepada Datuk Bandar yang banyak menjaga kebajikan ahli-ahli ANULAE dan juga para pekerja MBI.

Katanya, kepimpinan Y.Bhg. Dato Roshidi telah menjadikan MBI dikifir antara Pihak Berkuas Tempatan (PBT) terbaik sehingga organisasi turut mendapat pengiktirafan sama daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau juga menggesa

ahli-ahli ANULAE yang juga kakitangan MBI supaya bekerja dengan semangat dedikasi serta komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan.

"Benarkan tumpuan sepenuhnya semasa bekerja dan lipatgandakan usaha untuk terus menaikkan imej MBI," katanya.

# MBI TAJA 125

# Anak Yatim

## Beli Belah Sambut Raya

Aidilfitri tahun ini amat bermakna buat 125 anak yatim daripada tiga rumah anak yatim sekitar Ipoh apabila dapat membuat persiapan menyambutnya dengan lebih ceria selepas memiliki pelbagai kelengkapan baru hasil sumbangan MBI dan Tesco.

Daripada jumlah itu, 100 merupakan anak yatim piatu manakala 25 merupakan mereka yang hanya mempunyai ibu daripada Rumah Anak Yatim Budi Mulia Nurul Huda dan Rumah Anak Yatim Ar-Raudhah di Chepor dan Rumah Anak

Yatim Ridwani di Manjoi.

Lebih bermakna buat anak-anak yatim ini apabila mereka ditemani Datuk Bandar, Dato' Roshidi Hashim untuk membeli belah di Tesco, Station 18 pada 25 Ogos.

Setiap anak yatim menerima baucer pakaian sebanyak RM100 sumbangan Tesco Stores (Malaysia) Sdn.Bhd.

Menurut Datuk Bandar sumbangan hari Raya itu merupakan sebahagian daripada aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI bersama syarikat swasta.

Selepas membeli belah, anak-anak

yatim itu telah dibawa berpuasa di Hotel Impiana di mana pihak hotel juga turut mengambil bahagian dalam program sosial itu.

Seorang anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Budi Mulia Nurul Huda, Chemor, Siti Nur Khatijah, 17, berkata beliau amat bersyukur kerana diberi peluang untuk merasai kemeriahan raya.

"Kami memang menunggu saat seperti ini kerana ia seperti penawar kepada kesedihan kami. Sekurang-kurangnya kami dapat merasai kemeriahan berhari raya," katanya yang telah lima tahun menjadi penghuni rumah anak yatim.

Bagi Ainul Ikmal Remli, 13 daripada Rumah Anak Yatim Ridwani, Manjoi berkata majlis seperti ini membawa seribu erti kepadanya terutama untuk menyambut raya.

"Ini kali pertama saya diraikan begini. Seronok rasanya dirai sebegini kerana ia buat kami rasa dihargai," katanya.

Hidayah Zainuddin, 15, yang turut disertai adiknya, Nurul Aishah, 7 yang juga penghuni di Rumah Anak Yatim Ar-Raudhah, Chepor Impian ternyata begitu gembira dengan pemberian sumbangan.

"Adik saya sangat teruja kerana kami dibawa ke Tesco untuk memilih pakaian sendiri. Kami berterima kasih kerana ada yang tidak lupakan kami," katanya.



Dato' Roshidi bergambar bersama anak yatim di Tesco Station 18, Ipoh



Ceria dan prihatin



# Bubur Lambuk

## AMALAN RAMADAN

Bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk beramal berikutan garjangan berlipat kali ganda daripada bulan-bulan biasa.

Selain mengajurkan morei-morei di masjid, MBI juga ada mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim dan program pemberian bubur lambuk kepada orang ramai.

Maka pada 15 Ogos, MBI bersama Nestle Malaysia telah berganding bahu menyediakan bubur lambuk untuk diagihkan kepada 40 anak daripada Asrama Ar Raudah, Taman Chemor Impian.

Pada majlis sama, Nestle turut menyerahkan apron kepada 10 pengusaha bazar Ramadan di Ipoh bagi menggalakkan sikap bersih di kalangan penjaja.



Dato' Roslidi manggaulu bubur lambuk



Berkah untuk komuniti

## Penyerahan Kurma Dan Jalur Gemilang KEPADA WARGA KOTA



Dato' Roslidi menyerahkan buah kurma dan jalur gemilang kepada pelanggan



Malaysia, Negeraku Terchinta!



# Sambutan Hari Raya MBI Tetap Meriah

Lebih 5,000 warga MBI bersama keluarga masing-masing hadir memeriahkan sambutan Aidilfitri yang diadakan di Stadium Indera Mulia pada 21 September.

Kehadiran Menteri Besar YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir telah memeriahkan lagi sambutan. Turut hadir adalah Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim.

Sambutan Aidilfitri yang merupakan acara tahunan dalam kalendar MBI diadakan

untuk memberi peluang warga MBI berkumpul dalam suasana kekeluargaan kerana pada majlis tersebut semua dapat bermesra dengan ahli keluarga masing-masing bagi mengeratkan lagi silaturahim.

Menurut Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan MBI, Shahrulizam Jaafar, sambutan seperti itu adalah bagi meraikan dan menghargai staf MBI kerana telah banyak membantu Datuk Bandar dalam menaikkan Ipon sebagai bandar raya yang bersih dan mempunyai imej yang baik.

Antara aktiviti menarik yang telah diadakan ialah persembahan daripada setiap jabatan seperti persembahan tarian, nyanyian, sketsa yang berkait dengan Aidilfitri.

Duit raya turut diagih-aghikan kepada anak-anak anggota MBI dan acara cabutan bertuah telah mencecaikan lagi suasana.

Kesemua yang hadir tidak kering gusi dengan telatah pelawak Mr. Os yang dijemput khas untuk mengacarakan majlis.



Dato' Zambry menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak



Dato' Roshidi beramah dengan tetamu di majlis itu



Beramah mesyuarat sesama

# MBI Johan PERTANDINGAN KAWAT

Sambutan 16 September dan Hari Kemerdekaan tahun ini menyaksikan kehebatan pasukan kawad kaki MBI setelah ia muncul johan di dalam pertandingan kawad kaki semasa perarakan menyambut kedua hari bersejarah itu.

Menurut Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan MBI, Halim Saad kemenangan itu merupakan hadiah kepada semangat tinggi yang diberikan peserta.

"Tanya amat berbaloi. Kami menjalanai latihan hampir setiap hari selama 14 hari sebelum pertandingan diadakan," katanya.

Katanya latihan bermula sejurus selepas

cuti Hari Raya Aidilfitri di Stadium Indera Mulia dan juga di Perkarangan MBI.

"Latihan yang diadakan bertujuan memperkemaskan lagi susunan dan pergerakan semasa kawad," katanya.

Seramai 65 orang menyertai pasukan tersebut yang diketuai oleh Shahrul Hazrul Che Wah selaku ketua komandan.

Peserta kawad kaki tersebut terdiri daripada anggota Majlis daripada pelbagai peringkat dan jabatan di MBI.

Pasukan Kawad membawa pulang sebuah trofi, wang tunai dan sijil penyertaan.



Pasukan kawad MBI muncul johan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Negara ke 54

18

## Transformasi Perpustakaan Tun Razak



Gedung itu di Bandar Raya Ipoh

Perpustakaan Tun Razak bakal mengalami proses transformasinya untuk dijadikan tempat hanya sekadar untuk menelaah kepada keadaan yang lebih santai.

Menurut Penolong Pengarah Perpustakaan, Noor Afiza Pawan Chik, tujuan transformasi diadakan untuk mendakap aspirasi perpustakaan selain memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada orang awam.

"Dengan penggunaan teknologi maklumat daripada segi memberikan perkhidmatan, ruangan dan kemudahan yang lebih baik untuk menggamit pengunjung datang ke sini," katanya.

Antara perubahan yang bakal dilaksanakan adalah bentuk hiasan dalaman dan juga ruangan di dalam perpustakaan

tersebut.

Perancangan lain yang diambil kira ialah menceriakan suasana di perpustakaan berkenaan selain menukar imej kepada yang lebih baik dan selesa.

Cadangan menambahkan skrin televisyen untuk kawasan awam dan juga peralatan komputer meja bagi membolehkan orang awam menggunakan perkhidmatan yang disediakan dengan lebih selesa.

Perancangan lain untuk menghidupkan lagi Perpustakaan Tun Razak ini bergantung juga kepada keupayaan kewangan dari pihak MBI.

Segala perancangan yang dilakukan ini memerlukan perincian dari segi kewangan supaya proses transformasi berjalan dengan lancar.

# Ipoh's Intricate & Unique INDIAN MUSLIM MOSQUE

for the growing Indian Muslim population in Ipoh.

The idea to build this mosque came from an Indian Muslim trader by the name of Sheikh Adam who owned the land where this house of worship now stands. He had given the land for the purpose of building the mosque that would cater to the needs of the increasing Indian Muslim population in the city. As time went by, the mosque also started serving the needs of Muslims from other races.

According to the mosque's deputy secretary, Shahul Hamid, 54, who is a volunteer worker for six years at the building, this is not the only Indian Muslim mosque in Perak as there is another one in Sungai Siput and one in at least every state in the country apart from the most popular and famous one along Jalan Masjid India in Kuala Lumpur.

Ipoh Indian Muslim Mosque committee chairman, Dato' Tasleem Mohd Ibrahim A-Haj is regarded as the individual who plays a big role in the functions of the mosque and he is well known among the Indian Muslim community in Ipoh.

According to Shahul, the colours of the mosque have been retained since it was first built although the paint is renewed once in several years.

Its geometric and floral motifs adorn every corner of the mosque while marble poles and minarets display intricate carvings featuring artistic influences from the Mogul empire of North India, combined

with South Indian designs.

The mosque regularly organises and features religion relevant events and functions with funds from the flourishing trade of Indian Muslim traders in Ipoh. The funds also helps in its restoration and repair works such as fixing a six-year leak on its roof as well as building a modern toilet for the convenience of its followers.

The mosque sees a Friday prayer attendance of some 500 followers every week and its religious sermons are conducted in the Tamil language. On non-Fridays, Muslims congregate at the mosque to perform their Maghrib and Isyak prayers.

Apart from providing prayer facilities, the mosque also acts as an activity centre for Muslim religious events which often attract many people from the younger generation.

Among these activities is recital of al-Quran for 35 pupils from ages six to 15 who attend classes in the morning and evening. Religious talks are also held regularly and sometimes, the mosque organises "gotong royong".

The mosque has a big hall which can be rented by Muslim couples for wedding ceremonies or by organisers as venue for meetings and seminars.

The mosque recently contributed 110 goats for the Eid festival and meat from the sacrificed animals was distributed to 500 poor and needy families.



Ipoh's Masjid India Muslim or more popularly known as Masjid Padang Kota is a mosque that comes with a history as unique as its design. Although it is reaching 103 years old, this building still stands strong and has been listed as one of Ipoh's 147 heritage buildings.

Due to its history and beauty, this mosque was qualified as one of 22 heritage buildings designated under the Ipoh Structural Plan (1991). It proudly shares the list with other famous old buildings such as the old Fire and Rescue Department building along Jalan Sultan Idris Shah and the Ipoh Municipality Council building along Jalan Panglima Bukit Cantang.

Masjid India Muslim with its bold green and white design stands proudly in the middle of Ipoh as it always did since 1908. The building cost then was estimated at RM500,000. At the beginning, there was only a little hut where a few students attended religious classes but that was eventually replaced with a mosque to cater



The Masjid India Muslim in Ipoh is a unique and intricately designed building located along Padang Ipoh



# MBI JUARA SUKAN PERSAHABATAN 3 Penjuru SPRM-MBI-TNB



Sokong Dan Menang

**MBI** muncul juara dalam Sukan Persahabatan 3 penjuru SPRM-MBI-TNB yang telah berlangsung selama tiga hari di Stadium Perak bermula 7 Oktober hingga 9 Oktober 2011.

Seramai 300 atlet menyertai sukan yang dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), dan juga MBI.

Setiap kontinjen diwakili 100 peserta. Terdapat sembilan acara yang dipertandingkan iaitu pertandingan bola sepak, sepak takraw, sepak raga bulatan, bola tampar, tarik tali, bola jaring, acara dart, badminton dan juga ping pong.

MBI memenangi lima acara daripada

sembilan yang dipertandingkan sekaligus muncul tempat pertama dalam kejohanan tersebut.

Kesemua pemenang menerima hamper sebagai tanda terima kasih atas sokongan dan juga kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sukan tersebut.

Johan bagi setiap kategori pula menerima hamper tajaan FAMA.

Majlis penutup Sukan Tiga Penjuru diadakan di Stadium Perak pada 9 Oktober telah dirasmikan oleh Datuk Bandar, Y.Bhg Dato' Haji Roshidi Haji Hashim.

Dalam ucapannya beliau menyebut mengenai semangat kesukanan yang perlu disemai di dalam diri warga perkhidmatan awam.

"Semangat kesukanan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara jabatan. Aktiviti sebegini mampu menyihatkan tubuh badan dan kita boleh bekerja dengan lebih cekap," katanya.

Sukan Tiga Penjuru ini merupakan pertama kali diadakan dan Y.Bhg Dato' Roshidi mencadangkan agar diadakan sebagai acara tahunan.



Diantara Di-Di Jemputan yang hadir

